PANDUAN PERMOHONAN BAGI PERAKUAN AMALAN TAHUNAN DI BAWAH AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

1.0 PENGENALAN

Berdasarkan seksyen 20 Akta Juruanalisis Makanan 2011, juruanalisis makanan berdaftar yang berniat menjalankan amalan dan mengeluarkan laporan keputusan analisis makanan hendaklah mempunyai perakuan amalan tahunan.

2.0 KEPERLUAN PERMOHONAN

2.1 Permohonan perakuan amalan tahunan **HANYA BOLEH** dibuat oleh **juruanalisis makanan berdaftar** sahaja dan memenuhi syarat-syarat berikut :

i. Bekerja di bawah penyeliaan ahli kimia berdaftar atau juruanalisis makanan berdaftar sekiranya mempunyai kurang **2 tahun pengalaman** dalam bidang analisis makanan bagi pemegang ijazah sains makanan/teknologi makanan/ sains dan teknologi makanan atau **4 tahun pengalaman** bagi ijazah sains lain yang berkaitan; atau

ii. Mempunyai 2 tahun pengalaman atau lebih dalam bidang analisis Makanan bagi pemegang ijazah sains makanan/teknologi makanan/ sains dan teknologi makanan atau 4 tahun pengalaman atau lebih bagi ijazah sains lain yang berkaitan.

2.2 Permohonan perakuan amalan tahunan **TIDAK BOLEH** dibuat oleh juruanalisis makanan berdaftar berikut :

i. Mempunyai kurang 2 tahun pengalaman dalam bidang analisis makanan bagi pemegang ijazah sains makanan/teknologi makanan/ sains dan teknologi makanan atau 4 tahun pengalaman bagi ijazah sains lain yang berkaitan; dan

ii. Tidak lagi bekerja di bawah penyeliaan ahli kimia berdaftar atau juruanalisis makanan berdaftar.

3.0 TEMPAT AMALAN JURUANALISIS MAKANAN BERDAFTAR DAN PENYELIAAN TEMPAT AMALAN

3.1 Juruanalisis makanan berdaftar boleh menjalankan amalan lebih dari 1 tempat amalan tetapi terhad kepada empat (4) tempat amalan sahaja.

3.2 Tempat amalan boleh meliputi Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah

3.3 Hanya juruanalisis makanan berdaftar yang telah **cukup tempoh 2 tahun pengalaman** bekerja dalam bidang analisis makanan bagi bagi pemegang ijazah sains makanan/teknologi makanan/ sains dan teknologi makanan atau **4 tahun pengalaman** bagi ijazah sains lain yang berkaitan sahaja **BOLEH** menjalankan lebih dari 1 tempat amalan.

3.4 Juruanalisis makanan berdaftar hendaklah mempunyai surat lantikan khusus daripada majikan bagi kesemua tempat amalan terlibat dan Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia pada bila-bila masa boleh memohon juruanalisis makanan berdaftar untuk mengemukakan surat lantikan berkenaan.

3.5 Juruanalisis makanan berdaftar hendaklah mematuhi syarat-syarat penyeliaan berikut bagi setiap tempat amalan terlibat :

i. Menyediakan jadual lawatan ke semua tempat amalan
ii. Kekerapan lawatan adalah sekurang-kurangnya 1 kali/bulan
iii. Rekod/ laporan lawatan hendaklah disediakan oleh juruanalisis makanan berdaftar bagi semua tempat amalan dengan melibatkan perkara berikut :

- Borang analisis makanan (worksheet)
- Rekod kawalan kualiti
- Maklumat isu/ perkara berkaitan analisis makanan yang dibincangkan bersama juruanalisis yang terlibat dengan analisis makanan
- Sebarang perubahan kepada aktiviti analisis makanan yang dijalankan

4.0 CARA PERMOHONAN

Permohonan perakuan amalan tahunan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui ***Food Safety Information System of Malaysia*** **(FOSIM)** di alamat **https://fosim.moh.gov.my**. Pemohon hendaklah berdaftar di dalam sistem sebelum membuat permohonan. Sila pilih **Permohonan Perakuan Amalan Tahunan (Borang D)** di menu Permohonan/Pendaftaran.

5.0 RAYUAN

Mana-mana juruanalisis makanan berdaftar boleh memfailkan rayuan secara bertulis kepada Menteri Kesihatan Malaysia dalam tempoh 21 hari dari tarikh diberitahu mengenai keputusan yang dibuat oleh Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia, dan mengemukakan satu (1) salinan rayuan kepada Pengerusi Majlis. Sebarang keputusan rayuan akan dibuat oleh Menteri.

6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn. Rabia'atuladabiah binti Hashim di talian 03-88850797 sambungan 4272/ emel adabiah@moh.gov.my atau Cik Irma binti Mohamad Samsi di talian 03-88850797 sambungan 4206/ emel irma@moh.gov.my atau emel sekretariat di mjmm@moh.gov.my.